

PDRM dibenar kongsi kemudahan tentera

BH-29/9/2006
Elak pertindihan, pembaziran harta kerajaan: Mohd Anwar

Oleh Osman Lisut

KUALA LUMPUR: Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sedia membenarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menggunakan aset milik ketiga-tiga cabang perkhidmatannya bagi mengelakkan pembaziran pembelian peralatan.

Panglima Angkatan Tentera, Laksamana Tan Sri Mohd Anwar Mohd Nor, berkata penggunaan aset itu dapat mengelak pertindihan sedangkan peralatan terbabit dibeli untuk memastikan keselamatan dan keamanan negara.

"ATM dan PDRM adalah dua agensi keselamatan. Bagi mengelakkan pembaziran terutama pertindihan penggunaan peralatan dan aset, lebih baik ia digabungkan.

"ATM sedia pada bila-bila masa memberi bantuan sekiranya diminta PDRM," katanya pada sidang media selepas menerima kunjungan hormat Ketua Polis Negara yang baru, Tan Sri Musa Hassan di pejabatnya di sini, semalam.

Mohd Anwar berkata, kunjungan Musa itu adalah kesinambungan penubuhan Jawatankuasa Pelarasan Operasi dan Latihan (JPOL) dalam usaha meningkatkan aspek keselamatan serantau serta keselamatan dalam negara.

"Tiga perkara pokok iaitu operasi, latihan dan sosial membabitkan ATM serta PDRM dibincangkan dalam pertemuan itu dalam mengeratkan kerjasama dua agensi terbabit.

"Ketika ini, ATM dan PDRM sudah menghantar pegawai masing-masing mengikuti kursus termasuk perkongsian maklumat perisikan, penyiasatan serta undang-undang kepolisan," katanya.

Musa berkata, kerjasama PDRM dengan ATM dapat meyakinkan masyarakat gabungan dua agensi itu dapat menjadikan keselamatan dan

keamanan negara lebih terjamin.

Sementara itu, Musa berkata, PDRM akan menyelaraskan kadar saman dan pembayaran kompaun dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam masa terdekat.

"PDRM sudah mengadakan perbincangan dengan JPJ dan DBKL tetapi belum membuat sebarang keputusan dan menyerahkannya pada

“ATM sedia pada bila-bila masa memberi bantuan sekiranya diminta PDRM”

Mohd Anwar Mohd Nor
Panglima Angkatan Tentera

kerajaan untuk memutuskannya," katanya.

Kadar baru ini tidak termasuk lima kesalahan iaitu memandu melebihi had laju, memotong barisan, tidak mematuhi lampu isyarat, menyalahgunakan lorong kecemasan dan memotong di garisan berkembar.

"Kompaun maksimum RM300 bagi lima kesalahan itu kekal dan tidak boleh dikurangkan," katanya.